



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1978
DR.17/1978

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

BAHAWASANYA adalah bermenafaat dipinda Kanun Tanah Negara bagi maksud hanya untuk menentukan persamaan undang-undang dan dasar:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1978.

Tajuk ringkas.

2. Takrif "Registrar" dalam seksyen 5 Kanun Tanah Negara, yang dalam Akta ini disebut "Kanun itu", adalah dipinda—

Pindaan bagi takrif "Registrar". 56/65.

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "subsidiary title" dalam baris ketiga perenggan (a) perkataan-perkataan "dependent on a Registry title";

(b) dengan memotong perkataan "or" dalam baris kedua perenggan (b); dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "thereto," dalam baris ketiga perenggan (b) perkataan-perkataan "or under subsidiary title dependent on a Land Office title,".

Pindaan
bagi
seksyen
151.

3. Seksyen 151 Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan "Registry title" dalam baris kedua seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan "or Land Office title".

Pindaan
bagi
seksyen 320.

4. Seksyen 320 Kanun itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (b) seksyen-kecil (1) perenggan baru (ba) yang berikut—

"(ba) for securing that the land will be available to satisfy the whole or part of any debt due to the Federation or the State Authority, whether such debt is secured or unsecured and whether or not judgment thereon has been obtained; or".

Pindaan
bagi
Borang 10c.

5. Borang 10c dalam Jadual Pertama Kanun itu adalah dipinda dengan memotong perkataan "State" dalam baris ketiga dalam Jadual dalam Borang itu.

Pemakaian
bagi
Wilayah
Persekutu-
an.

6. Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Akta ini hendaklah dipakai bagi Wilayah Persekutuan dan juga bagi Negeri-negeri.

HURAIAN

Mengikut seksyen 151 Kanun Tanah Negara, hanya bangunan-bangunan di atas tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran boleh dipecah-bahagi kepada petak-petak. Tujuan meminda seksyen 151 ialah untuk membolehkan bangunan-bangunan di atas tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah juga dipecah-bahagi.

2. Berbangkit dari pindaan bagi seksyen 151, adalah perlu meminda takrif "Registrar" dalam seksyen 5 supaya memberi kepada Pemungut peranan Pendaftaran dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan Kanun itu berhubung dengan hakmilik subsidiari bagi petak-petak dalam bangunan-bangunan yang dipecah-bahagi, di mana hakmilik sedemikian bergantung kepada hakmilik Pejabat Tanah.

3. Tujuan meminda seksyen 320 ialah untuk membolehkan Pendaftaran Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah, mengikut mana yang berkenaan, memasukkan caveat Pendaftaran berkenaan dengan mana-mana tanah apabila jua didapatinya perlu atau mustahak untuk menjamin supaya tanah itu dapat digunakan bagi menyelesaikan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada Persekutuan atau Pihakberkuasa Negeri.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

[PN. (U²) 770; PN. (U²) 900.]